



UCAPAN ULUNG PANGLIMA OPERASI UDARA
LT JEN DATO' HJ MOHAMMAD SALLEH BIN HJ OSMAN TUDM
PADA 13 JANUARI 2020

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

YANG BERBAHAGIA MEJ JEN DATO MUHAMMAD NORAZLAN BIN ARIS TUDM,
PANGLIMA BANTUAN UDARA YANG JUGA MERANGKAP TUGAS KETUA STAF
MPOU, YANG BERBAHAGIA MEJ JEN DATO ZUKLIFLI BIN HAMID TUDM,
PANGWILUD 1, YANG BERBAHAGIA MEJ JEN DATO HJ YAZID BIN ARSHAD TUDM,
PANGWILUD 2, DATO-DATO, KOMANDER-KOMANDER PANGKALAN, PEGAWAI-
PEGAWAI KANAN, PEGAWAI-PEGAWAI, PEGAWAI WARAN FORMASI, PEGAWAI
WARAN PANGKALAN, JUGA KEPADA PARA PERWIRA, BINTARA DAN PERAJURIT
UDARA YANG MENGIKUTI VC DI FORMASI MASING MASING, TUAN-TUAN DAN
PUAN-PUAN, YANG SAYA KASIH DAN HORMATI SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

DAN SALAM SEJAHTERA.

ALHAMDULILLAH, SEGALA PUJI DAN SYUKUR DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN HIDAYAH DAN INAYAHPNYA JUA, MAKA DI IZINKAN KITA DAPAT BERHIMPUN BERSAMA DENGAN WARGA MPOU BERSEMPENA PERINTAH ULUNG SAYA SEBAGAI PANGLIMA OPERASI UDARA YANG KE 18. SEKALUNG PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH SAYA KEPADA SEMUA YANG HADIR PADA PAGI INI. SEBAGAI PERINGATAN, ACARA INI BUKAN HANYA SATU TRADISI REGIMENTAL TETAPI IANYA MERUPAKAN SATU IKTIZAM KESATUAN DAN HALA TUJU KITA BERSAMA SEBAGAI SATU ORGANISASI UNGGUL YANG MERUPAKAN TIANG SERI KHUSUSNYA KEPADA ORGANISASI TUDM DAN ATM SECARA AMNYA.

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA PUCUK PIMPINAN TUDM DAN ATM DI ATAS KEPERCAYAAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA SAYA UNTUK MENERAJUI MARKAS PEMERINTAHAN OPERASI UDARA INI. SAYA SEDAR DAN INSAF BAHAWA INI ADALAH MERUPAKAN SATU AMANAH BESAR YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADA SAYA DAN SIGNIFIKAN NYA, SAYA MEMERLUKAN SOKONGAN DAN KOMITMEN SEMUA BAGI TUJUAN MEMARTABATKAN KEUNGGULAN ORGANISASI KITA INI. PENGHARGAAN JUGA KITA PERAKUKAN KEPADA SEMUA PANGLIMA OPERASI UDARA TERDAHULU KERANA TELAH MENINGGALKAN LEGASI KEPIMPINAN YANG JITU UNTUK KITA MENERUSKAN TUGAS DAN AMANAH SERTA KESINAMBUNGAN SIAP SIAGA

OPERASI TUDM.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI,

MENYINGKAP LANDSCAPE SEKURITI YANG SEMAKIN MENCABAR SERTA DINAMIK YANG MENUNTUT KEPERLUAN BEROPERASI DALAM MULTI DOMAIN, (DI SAAT INI, ISU ISU YANG MEMBIMBANGKAN, SEPERTI INSIDEN SHOW OF PRESENCE CCG DI BETING PATINGGI ALI, PENCEROBOHAN RUANG UDARA DI LUCONIA SHOALS OLEH PESAWAT STRATEGIK PLAAF, PENCEROBOHAN NELAYAN ASING DI ZEE DAN PELANTAR MINYAK, DAN USAINYA INSIDEN LAHAD DATU SERTA KEHILANGAN MH 370), MAKA ADALAH AMAT PENTING UNTUK KITA TERUS MENGEKALKAN KEUPAYAAN DAN SIAP SIAGA OPERASI PADA SEBILANG MASA. JUSTERU, **KESIAPSIAGAAN ATAU READINESS ADALAH AGENDA PERTAMA** YANG PERLU DI BERI PERHATIAN. KITA SEDAR DENGAN HANYA TAHAP KESIAGAAN ASET TEMPUR DI SEKITAR 30% KE 40%, REALITI NYA, HAMPIR PASTI IA AMAT SUKAR UNTUK KITA MELAKSANAKAN TUGAS YANG DI AMANAHKAN . TETAPI ! ADAKAH KESIAGAAN ATAU READINESS HANYA BERPAKSI KEPADA KETERSEDIAAN DAN KEUPAYAAN ASET TEMPUR SEMATA MATA? TIDAK DINAFIKAN BAHAWA ASET TEMPUR ADA LAH PRASYARAT KEPADA KEUPAYAAN, NAMUN READINESS ADALAH SATU PERKARA YANG AMAT COMPLEX. IA MELIBATKAN PENGGABUNGAN BEBERAPA ELEMEN TERAS YANG LAIN DIANTARANYA ADALAH MODAL INSAN, DOKTRIN DAN PROSIDUR SERTA BAJET YANG MENCUKUPI. KITA PERLU JELAS APAKAH TUJUAN ATAU THE PURPOSE OF READINESS, BERTANYAKAN DIRI KITA, DAN BERBINCANG SECARA INKLUSIF, READINESS FOR WHAT, WHERE, WHEN, WHO AND HOW (HOW MUCH IN TERM OF ROI AND SUSTAINANCE)? JUSTERU, MENYEDARI CABARAN INI,

SAYA MENYERU AGAR SATU EVOLUSI MINDA DAN ATTITUDE PERLU BERMULA SECARA MENYELURUH DARI PERINGKAT TAKTIKAL, OPERATIONAL DAN SETERUSNYA KE STRATEGIC LEVEL. READINESS IS ACTUALLY ABOUT MINDSET AND ATTITUDE. AYUH, KITA LIHAT KEMBALI BAGAIMANA BUDAYA KERJA KITA SELAMA INI DAN BERTANYA, ADAKAH SEGALA USAHA PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN YANG LEBIH INOVATIF DAN KREATIF TELAH KITA AMALKAN? ADAKAH KAWAL SELIA YANG SESUAI DAN CEKAP DI SETIAP PERINGKAT KEPAKARAN DAN KETUKANGAN TELAH DILAKSANAKAN? ADAKAH KEPELBAGAIAN TUGAS ATAU MULTI TASKING DAN PENGUTAMAAN DI TEKANKAN KEPADA SETIAP TUGASAN DAN PERANCANGAN? JADI USAHA-USAHA INI ADALAH AMAT PERLU UNTUK KITA TERUS TINGKATKAN MOMENTUM DEMI MENCAPAI KEBOLEHUPAYAAN SIAGA DAN TIDAK SEKADAR MEMBERI FOKUS KEPADA ASPEK ASET SEMATA MATA TETAPI MENGABAIKAN ELEMEN ELEMEN KESIAGAAN YANG LAIN.

HADIRIN YANG DI HORMATI SEKALIAN,

PERKARA YANG KEDUA YANG INGIN SAYA NYATAKAN ADALAH BERHUBUNG NILAI TERAS ATAU CORE VALUES TUDM YANG MANA IA AMAT MULIA DAN AMAT BERMANFAAT UNTUK KITA AMALKAN DIDALAM KEHIDUPAN SEHARIAN DAN SEPANJANG HAYAT HIDUP KITA. PUCUK PIMPINAN TUDM TELAH MENGGARISKAN LIMA NILAI TERAS TUDM IAITU INTEGRITI, KEBERANIAN, KEUNGGULAN, SETIA KAWAN DAN MENGUTAMAKAN PERKHIDMATAN SEBELUM PERIBADI UNTUK DISEMADIKAN KEDALAM DIRI SETIAP ANGGOTA TUDM BAGI MENCERMINKAN PERSONALITI YANG TERPUJI. OLEH YANG DEMIKIAN, SEMUA

WARGA MPOU DIKEHENDAKI TERUS MENITIK BERAT DAN MEMPRAKTIKKAN NILAI-NILAI TERAS YANG TELAH DIGARISKAN ITU SEPANJANG HAYAT YANG MANA IA NYA JUGA SENADA DENGAN TUNTUTAN SETIAP AGAMA DI DUNIA INI. PENERAPAN NILAI TERAS TERSEBUT DALAM BUDAYA KERJA SEBENARNYA ADALAH AMALAN BACK TO BASIC SEPERTIMANA YANG DIPELOPORI OLEH KEPIMPINAN TERDAHULU, SAYA SENTIASA PERCAYA DAN YAKIN BAHAWA SETIAP MODAL INSAN/WARGA TUDM ITU SENDIRI MEMAINKAN PERANAN YANG AMAT PENTING DALAM MENENTUKAN KECEMERLANGAN DIRI DAN JUGA ORGANISASI.

HADIRIN YANG DI HORMATI,

ALHAMDULLILAH, KESEDARAN SEKURITI, ARAH TUJU PERTAHANAN DAN KESELAMATAN NEGARA SERTA BETAPA PENTING NYA KEUPAYAAN PASUKAN KESELAMATAN TELAH DAPAT DIPERKASAKAN KEPADA SEMUA STAKEHOLDERS, DENGAN TERMAKTUBNYA KERTAS PUTIH PERTAHANAN YANG TELAH DI LULUSKAN OLEH DEWAN RAKYAT SEMASA PEMBENTANGAN DI PARLIMEN BULAN LALU. CABARAN SEKURITI DAN KEPERLUAN KEUPAYAAN TUDM SUDAH TENTU MENJADI AMAT PENTING KEPADA MARKAS INI KERANA IA BERKISAR KEPADA PERANCANGAN AKTIVITI OPERASI DAN EKSESAIS. PEKA DENGAN ISU-ISU SEMASA KITA HENDAKLAH SENTIASA DALAM KEADAAN SIAPSIAGA, KOMPITENT DAN MELAKSANAKAN LATIHAN YANG BERTERUSAN DALAM MENGHADAPI APA JUA SENARIO SELAGI DIPERLUKAN OLEH RAKYAT PADA SEBILANG MASA.

JUSTERU PERKARA YANG KETIGA YANG PERLU DINYATAKAN ADALAH PERUNTUKAN KEWANGAN YANG STABIL, WORKABLE DAN BERTERUSAN BAGI MEMENUHI ASPEK CAPABILITY, CAPACITY DAN READINESS TUDM. PERUNTUKAN BAJET YANG MENCUKUPI MEMBOLEHKAN KITA UNTUK MEMBUAT PERANCANGAN YANG REALISTIK, MEMENUHI KEUTAMAAN KEPERLUAN, EFFICIENT SERTA PACKAGE YANG HOLISTIK. SEKIRANYA PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN TIDAK MENCUKUPI, HAMPIR PASTI SEGALA KEPERLUAN OPERASI AKAN GAGAL DICAPAI. PERBELANJAAN YANG BERHEMAH MENGIKUT KEUTAMAAN MISI DAN SENARAI TUGASAN AMAT PENTING. BETAPA PENTINGNYA PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI DAN PENGUTAMAAN TUGAS DIMANA KITA SEPATUTNYA MEMBELANJA PERUNTUKAN KEPADA PERKARA YANG PERLU SAHAJA BAGI MENCAPAI KEBERHASILAN OPERASI YANG MAKSIMA. INI BELUM LAGI MENGAMBIL KIRA CABARAN LOGISTIK DAN KOS UNTUK KEMAMPANAN ASET ASET YANG TELAH USANG YANG JUGA TELAH MENJANGKAUI USIA CASTING POLICY.

PERUNTUKAN KEWANGAN YANG MENCUKUPI JELAS SEKALI MERUPAKAN ELEMEN YANG AMAT PENTING BAGI OPERATIONAL READINESS DAN IA BERKAITAN RAPAT DENGAN TRILOGY **MAN, MACHINE, AND METHODS** . IMPAK DAN KESAN NYA AMAT SERIUS KEPADA READINESS. CUBA KITA LIHAT, BERMULANYA DENGAN KEPERLUAN ANGGOTA YANG MAHIR DAN PROFICIENT DI PERINGKAT TAKTIKAL, MAKA AKAN UJUDLAH SATU KETUMBUKAN YANG BERMORAL TINGGI, SETERUSNYA, IA AKAN MENGHASILKAN SATU PERKHIDMATAN YANG BERMUTU YANG DIHARAPKAN DAN SETERUSNYA LAGI AKAN MENGUJUDKAN SATU EKOSISTEM KEHIDUPAN YANG MENCERMINKAN KUALITI KEHIDUPAN. TIDAK DI NAFIKAN, JURUTERBANG INGIN TERBANG,

CONTROLLERS INGIN MENGAWAL, ENGINEERS LOVES TO GET THEIR HANDS DIRTY, BEGITU JUGA DENGAN TRED TRED YANG LAIN. KECEKAPAN DAN PROFICIENCY INI TIDAK MAMPU DICAPAI SEKIRANYA JURUTERBANG TIDAK MAMPU TERBANG MEMENUHI JAM KEPERLUAN LATIHAN, AIR TRAFFIC DAN AIR DEFENCE CONTROLLER TIDAK DAPAT MEMBUAT TUGAS KAWALAN, PARA ENGINEER TIDAK ADA KERJA KERJA KEJURUTERAAN, LOGISTICIAN PULA DI BELENGGU DENGAN MASALAH KONTRAK, WAREHOUSING, KEUSANGAN DAN PROSIDUR DAN BEGITU JUGA DENGAN LAIN LAIN KETUKANGAN MENGALAMI MASALAH YANG SAMA. JADI AMAT SUKAR UNTUK KITA KEKAL KOMPITENT DAN PROFICIENT YANG MANA ASAS NYA BERMULA DARI PERUNTUKAN KEWANGAN PERLULAH MENCUKUPI.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

BERKISAR KEPADA PERKARA DI ATAS JUGA, MAKA ADA LAH AMAT BERTEPATAN BAGI KITA MENDENGAR RINTIHAN DAN MAKLUMBALAS SERTA INPUT DARI ANGGOTA DI LAPANGAN BERKENAAN SEMUA PERKARA PERKARA YANG MENGECEWAKAN MEREKA YANG BOLEH MENGALIHKAN PERHATIAN MEREKA DARI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA. **SEHUBUNGAN DENGAN ITU PERKARA YANG KEEMPAT YANG SAYA INGIN TEKAN KAN ADALAH MEMPERKASAKAN PERANAN PANGKALAN DAN SKUADRON.** PENGURUSAN PANGKALAN DAN SKUADRON YANG BERADA DI PERINGKAT TAKTIKAL INI SEBENARNYA MERUPAKAN TITIK PERMULAAN KEARAH PENJANAAN IDEA IDEA YANG INOVATIF DAN KREATIF DALAM MELAKSANAKAN SESUATU TUGAS DENGAN JAYA NYA. AMALKAN BUDAYA MENDENGAR IDEA IDEA YANG LUAR DARI

KEBIASAAN, INISIATIF INISIATIF BARU, PENDEKATAN DAN MEMUPUK SERTA MEMBANGKITKAN BUDAYA INOVASI YANG BOLEH DIPRAKTIKAN UNTUK JANGKA SEDERHANA ATAU PANJANG DAN MEMBUAHKAN KEBERHASILAN YANG LEBIH EFFICIENT. BUDAYAKAN SEMUA INI DAN IANYA BERMULA DI PERINGKAT SKUADRON DAN PANGKALAN. MULAKAN DENGAN SENTIASA MENCABAR AMALAN KEBIASAAN YANG SALAH DAN BUDAYA BERANI MENYUARAKAN PENDAPAT YANG KRITIKAL DEMI KEBERKESANAN ORGANISASI. JANGAN HANYA BERGANTUNG HARAP DAN BUDAYA MENUNGGU ARAHAN DARIPADA PIHAK ATASAN. START MANAGING AT YOUR LEVEL GENTLEMEN. WE TRUST YOU TO LEAD YOUR ORGANISATION. SO DO WHAT IT TAKES. DO SOMETHING. YOU DON'T HAVE TO WAIT, TO BE SOMEBODY TO DO SOMETHING.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

MARI LAH KITA **BERKERJA DALAM SATU PASUKAN.** SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI YANG BESAR SEPERTI MPOU INI KITA DILIMPAHI DENGAN PELBAGAI MAKLUMAT MAKLUMAT YANG PERLU DITELITI DAN DIPERHALUSI. UJUDKAN SATU JARINGAN KOMUNIKASI YANG EFFECTIVE AGAR TIADA KELOMPONGAN ATAU GAP SAMADA INTER ATAU INTRA DEPARTMENT. ELAKKAN BEKERJA DALAM SILO MASING MASING DAN BERINTERAKSILAH DENGAN SEMUA STAKEHOLDERS. SEHARUSNYA SETIAP PEGAWAI DAN STAF BEKERJA DALAM SATU PASUKAN MENGIKUT "CHANGE OF COMMAND" DALAM MENELITI DAN MEMPERHALUSI SEMUA PERKARA INI SEBELUM IANYA DIANGKAT KE PIHAK PENGURUSAN ATASAN YANG LEBIH TINGGI UNTUK PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN. KETERLIBATAN DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK MPOU, MAWILUD 1

DAN MAWILUD 2 PERLU MEMASTIKAN DAN MERANGSANG SEMUA KEPERLUAN OPERASI SERTA TIDAK MEMBIARKAN UNIT-UNIT TAKTIKAL MERANCANG BERSENDIRIAN DAN SITUASI SEPERTI INI PERLU DIELAKKAN.

BUDAYA MILITARY LEADERSHIP BUKAN ASING BAGI KITA. SAYA INGIN MENEKANKAN DI SINI BAHAWA SEMUA PERINGKAT PEGAWAI DAN ANGGOTA UNTUK SENTIASA MEMPUNYAI BUDAYA "SUPERVISION, MENTOR MENTEE, CHECK AND BALANCE" DIMANA IANYA HARUS DIPERKASAKAN LAGI. KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENCORAK SUASANA KERJA YANG HARMONI DAN MENGELAKKAN PENYALAHGUNAAN KUASA BAGI ANGGOTA YANG TELAH DIAMANAHKAN MEMPUNYAI KUASA.

WARGA MPOU YANG SAYA HORMATI,

ASPEK DISPLIN TELAH BANYAK KALI DIPERKATAKAN. DALAM MELAKSANAKAN TUGAS DAN AMANAH INI SAYA JUGA MENYARANKAN BAHAWA TIADA BERLAKU AMALAN PENYALAHGUNAAN DADAH, BEKERJA DIBAWAH PENGARUH ALKOHOL DAN BAHAN TERLARANG, KES BULI, SALAH GUNA KUASA DAN KES-KES DISPLIN YANG LAIN PERLU DIBERI PENEKANAN DAN PEMANTAUAN DIKALANGAN PEGAWAI DAN ANGGOTA MPOU. BUDAYA KERJA YANG POSITIF SEPERTI "GOOD PRACTICE, INNOVATIVE, AND CRITICAL THINKING" PERLU DIBUDAYAKAN DALAM KERJA SEHARIAN TANPA MELUPAKAN PERKARA-PERKARA ASAS.

KEBAJIKAN WARGA JUGA MERUPAKAN PETUNJUK DAN KAYU PENGUKUR KEPADA TAHAP KESIAGAAN. SEIRING DENGAN USAHA UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM PERKHIDMATAN, SAYA INGIN MENEKANKAN PERI PENTINGNYA UNTUK KITA MENGHAYATI KONSEP ***WORK-LIFE BALANCE*** DAN MENGAPLIKASIKAN ***FAMILY FRIENDLY POLICY*** YANG MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN DAN KEHARMONIAN KELUARGA. INI BERTUJUAN BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP WARGA MPOU SERTA KELUARGA DAN MENJADI PEMANGKIN KEPADA ***KOMITMEN DAN KUALITI KERJA***. SECARA PERIBADI, SAYA PERCAYA SEBUAH KELUARGA YANG SIHAT DAN BAHAGIA AKAN MENYUMBANG KEPADA ORGANISASI YANG LEBIH CEMERLANG.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI,

TAHUN 2020 INI PASTINYA AKAN ADA CABARAN UNTUK KITA HADAPI. TAHUN INI MERUPAKAN SATU LAGI LANGKAH DARI BERIBU LANGKAH YANG HARUS DAN PASTI KITA HARUNGI UNTUK WARGA MPOU MENGORAK DAN MENGERAK HALATUJU BAGI MENDOKONG KECEMERLANGAN TUDM. SEPERTI YANG SAYA NYATAKAN DIAWAL TADI, PELBAGAI CABARAN BAKAL DI TEMPUHI. KITA PERLU WALK THE TALK DALAM MEMASTIKAN ADANYA RETURN OF INVESTMENT DENGAN MENGOPERASIKAN ASET-ASET KEPADA KEUTAMAAN TUGASAN YANG TERMAKTUB DALAM RMAF "OPERATIONAL DOCTRINE SAMADA SINGLE, JOINT OR COMBINE". JANGAN PULA KITA LEKA, DALAM KESUNGGUHAN KITA UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS, ASPEK KESELAMATAN SAMADA FLIGHT SAFETY ATAU KESELAMATAN SECARA KESELURUHAN PERLULAH BERADA DITAHAP YANG TINGGI DAN TANPA KOMPROMI. KITA PERLU MEMANDANG

KEHADAPAN DALAM ERA ABAD KE 21ST INI YANG BERLATARKAN NETWORK WARFARE, FENOMENA ARTIFICIAL INTELEGENCE DAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0, DIMANA PELBAGAI SISTEM BERGABUNG UNTUK MEMBERI KITA KESAN JANGKA PENDEK DAN KESAN JANGKA PANJANG SERTA KEMASUKAN ASET ASET BARU DALAM PLAN PEMBANGUNAN CAP55. INI SEMUA, KITA PERLU BERSEDIA DAN PEKA APA YANG BERLAKU DI PERSEKITARAN KITA. MARILAH BERGANDING BAHU BERSAMA SAMA DEMI MEMENUHI ASPIRASI PUCUK PIMPINAN TUDM, ATM DAN NEGARA. KITA BERILTIZAM MENINGKATKAN IMEJ TUDM SELARI DENGAN VISI UNTUK MENJADIKAN TUDM SATU ANGKATAN UDARA YANG KREDIBEL DAN UNGGUL SERTA BOLEH DIHARAP. IN SHAA ALLAH.

AKHIR KATA, SAYA BERDOA KE HADRAT ALLAH SWT AGAR KITA SEMUA SELURUH WARGA NAUNGAN MPOU SEKALIAN DIBERI PETUNJUK, TAUFIK DAN HIDAYAH SERTA SENTIASA DIBERIKAN KEBERKATAN, SIHAT DAN SELAMAT DALAM MENUNAIKAN KEWAJIPAN DAN AMANAH MASING-MASING.

SALAM GEMILANG DAN SELAMAT BERTUGAS
SAFETY IS PARAMOUNT
SENTIASA DI ANGKASA RAYA

وبالله توفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته